



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

# KERATAN AKHBAR KESUMA”

SABTU  
19 OKTOBER 2024



## Peningkatan gaji minimum tindakan prihatin kerajaan - MTUC

**PETALING JAYA:** Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyifatkan kenaikan kadar gaji minimum oleh kerajaan melalui Belanjawan 2025 merupakan satu tindakan yang prihatin terhadap rakyat.

Presidennya, Mohd. Effendy Abdul Ghani berkata, kenaikan itu menunjukkan komitmen kerajaan terhadap kesejahteraan pekerja di seluruh negara terutamanya mereka yang berada dalam kumpulan berpendapatan rendah.

“Kenaikan gaji minimum ini adalah langkah penting yang mampu meringankan beban kos sara hidup, yang semakin meningkat akibat inflasi dan tekanan ekonomi global.

“Ini juga selaras dengan hasrat negara untuk memajukan ekonomi yang lebih adil dan memastikan tiada golongan pekerja tertinggal dalam pembangunan negara,” katanya ketika dihubungi.

Dalam pembentangan Belanjawan 2025 semalam, Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kerajaan bersetuju menaik-

kan kadar gaji minimum daripada RM1,500 sebulan kepada RM1,700 sebulan berkuat kuasa mulai 1 Februari tahun depan.

Kerajaan juga akan menerbitkan garis panduan gaji permulaan bagi semua sektor pekerjaan untuk rujukan pekerja seperti gaji permulaan juruteknik industri dan pengeluaran (RM2,290), jurutera mekanikal (RM3,380) dan Profesional Pereka Kandungan Kreatif (RM2,985).

Selain itu, Effendy turut menegaskan, langkah itu perlu dilaksanakan dengan penguatkuasaan yang tegas.

“Majikan mesti bertanggungjawab sepenuhnya untuk mematuhi kadar gaji minimum baru ini, tanpa sebarang percubaan untuk mengelak atau mengeksploitasi pekerja.

“Penguatkuasaan undang-undang berkaitan perlu diperkukuhkan untuk memastikan hak pekerja dilindungi,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, MTUC percaya bahawa kenaikan gaji minimum bukan sahaja akan meningkatkan taraf hidup pekerja tetapi juga memacu per-

tumbuhan ekonomi.

“Peningkatan gaji secara tidak langsung akan meningkatkan kuasa beli rakyat dan akan memberi manfaat kepada ekonomi negara secara keseluruhan.

“Memandangkan perbelanjaan domestik yang lebih tinggi akan merancakkan perniagaan tempatan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih inklusif,” katanya.

Dalam pada itu, MTUC turut menggesa majikan-majikan besar yang mempunyai kemampuan kewangan menawarkan gaji yang lebih tinggi daripada kadar gaji minimum yang ditetapkan.

“Kami amat berharap dan mengalu-alukan tindakan majikan yang sedia memberikan gaji yang lebih tinggi sebagai satu langkah proaktif dalam menghargai sumbangan pekerja serta membantu mereka menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat.

“Langkah ini bukan sahaja menunjukkan tanggungjawab sosial majikan tetapi juga mampu meningkatkan produktiviti dan motivasi pekerja,” katanya.



<b>Akhbar</b>	<b>Utusan Malaysia</b>
<b>Tarikh</b>	<b>19 Oktober 2024</b>
<b>Ruang</b>	<b>Belanjawan 2025</b>
<b>Muka Surat</b>	<b>5</b>

## Kenaikan gaji minimum mampu pertingkatkan perbelanjaan domestik

**PETALING JAYA:** Peningkatan gaji daripada RM1,500 kepada RM1,700 berpotensi melonjakkan perbelanjaan domestik apabila rakyat mempunyai lebih kuasa beli yang dapat merangsang permintaan dalam sektor ekonomi.

Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohamad Khair Afham Muhamad Senan berkata, dengan kenaikan gaji minimum, golongan pekerja berpendapatan rendah akan merasakan peningkatan

pendapatan yang boleh memperbaiki kualiti hidup mereka.

“Ini akan memberi ruang kewangan tambahan untuk memenuhi keperluan asas dan mungkin membantu mereka dalam menghadapi cabaran kewangan harian.

“Peningkatan ini adalah relevan dalam menghadapi tekanan inflasi dan kos sara hidup yang semakin meningkat,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Bagaimanapun, tambahnya, kenaikan itu perlu dilaksanakan dengan berhati-hati agar

tidak menambah beban kos operasi kepada majikan, terutama perniagaan kecil dan sederhana (SME).

“Kenaikan itu kemungkinan boleh menyebabkan kesan sampingan seperti pengurangan peluang pekerjaan atau peningkatan harga barangan dan perkhidmatan.

“Terdapat juga kebimbangan bahawa kenaikan gaji minimum mungkin menyebabkan inflasi kos, majikan akan memindahkan kos tambahan kepada pengguna dalam bentuk

harga barang dan perkhidmatan yang lebih tinggi,” ujarnya.

Mohamad Khair berkata, langkah-langkah lain seperti pengawalan harga barangan asas, insentif bagi perniagaan kecil dan sokongan sosial untuk golongan rentan perlu dilaksanakan secara menyeluruh bagi memastikan kesan positif yang berpanjangan kepada kos sara hidup rakyat.

Terdahulu, kerajaan bersetuju menaikkan kadar gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700 sebulan yang berkuat kuasa mulai 1 Februari 2025.



# Kadar gaji minimum RM1,700 mulai 1 Februari 2025

**PETALING JAYA:** Kerajaan bersetuju menaikkan kadar gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700 sebulan yang berkuat kuasa mulai 1 Februari 2025.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Kerajaan Madani sentiasa menitikberatkan soal pendapatan rakyat.

Menurutnya, penstrukturan ekonomi hanya dianggap berjaya apabila rakyat meraih gaji dan upah yang bermakna untuk menjalani hidup dengan lebih selesa.

“Kerajaan bersetuju menaikkan kadar gaji minimum daripada RM1,500 sebulan kepada RM1,700 sebulan yang berkuat kuasa mulai 1 Februari 2025.

“Kerajaan juga memutuskan penangguhan kuat kuasa gaji minimum RM1,700 membabitkan majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja bagi tempoh enam bulan iaitu berkuat kuasa pada 1 Ogos



**PENDUDUK PPR Sri Pantai, Kuala Lumpur menyaksikan siaran langsung pembentangan Belanjawan 2025 oleh Anwar Ibrahim, semalam.**  
- UTUSAN/FARIZ RUSADIO

2025,” katanya.

Kementerian Sumber Manusia juga akan menerbitkan garis panduan gaji permulaan bagi semua sektor pekerjaan untuk rujukan pekerja.

“Umpamanya, gaji permulaan Juruteknik Industri dan Pengeluaran (RM2,290), Jurutera Mekanikal (RM3,380) dan Profesional Pereka Kandungan Kreatif (RM2,985),” katanya.

## Skandal rasuah perlombongan MBI: SPRM beku akaun, aset jutaan ringgit

**KUALA LUMPUR:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membekukan akaun dan aset bernilai jutaan ringgit susulan skandal rasuah perlombongan pasir yang dikaitkan dengan Menteri Besar Selangor Perbadanan (MBI).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, setakat ini belum ada tangkapan baharu.

“Seorang individu telah ditahan semula dan direman tujuh hari untuk kes yang masih dalam siasatan ini.

“Saya juga tidak nafikan ada tindakan pembekuan akaun dan aset, dianggarkan bernilai jutaan ringgit,” katanya selepas Majlis Menandatangani Laporan Penambahbaikan Tatakelola di Antara SPRM dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dengan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Mohammed Azman Aziz Mohammed di sini, semalam.

Azam berkata, siasatan lanjut sedang dijalankan untuk mengesan berkaitan saham yang disyaki diterima secara rasuah yang disimpan di beberapa syarikat.

“Kita memerlukan sedikit masa berikutan terdapat 20 projek yang disiasat.

“Mungkin dalam masa ter-



**AZAM Baki (kiri) bertukar dokumen dengan Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed dalam Majlis Menandatangani Laporan Penambahbaikan Tatakelola antara SPRM dan Perkeso di Menara Perkeso, Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO**

dekat, tiga hingga empat hari kita akan kemas kini berkaitan kes ini,” katanya.

Media semalam melaporkan, Azam mengesahkan enam premis dilegeledah SPRM, Rabu lalu selain wang tunai dianggarkan bernilai RM600,000 disita bagi siasatan kes MBI dikaitkan dengan seorang ahli politik berpengaruh.

Azam dilaporkan berkata,

mempunyai saham membabitkan beberapa individu, termasuk ahli politik yang dikaitkan dengan kes ini,” katanya.

Beberapa kertas siasatan dibuka mengikut Akta Pencegahan Rasuah 2009 dan Akta Pencegahan dan Pembiayaan Keganasan 2001.

Sementara itu, seramai 37 individu yang ditahan dalam Op Tunjang melibatkan kes sindiket tuntutan palsu kepada Perkeso dijangka didakwa di mahkamah bulan depan.

Menurut Azam, dianggarkan sekurang-kurangnya 37 kertas siasatan telah dibuka susulan tangkapan itu.

Beliau berkata, pihaknya menjangkakan kertas siasatan kes tersebut selesai pada bulan depan.

“Setiap individu yang ditahan, ada kertas siasatan dibuka dengan setiap daripadanya ada saksi tersendiri. Malah, setiap kertas siasatan, ada seorang pegawai penyiasat ditugaskan untuk melengkapkan siasatan.

“Justeru, kami menjangkakan kertas siasatan kes ini selesai pada November supaya suspek terbabit boleh didakwa di mahkamah,” katanya.



# Pelaksanaan gaji minimum RM1,700 berkuat kuasa Februari

Majikan miliki kurang daripada lima pekerja dibenar tangguh hingga 1 Ogos

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kadar gaji minimum dinaikkan daripada RM1,500 kepada RM1,700 sebulan berkuat kuasa mulai 1 Februari depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan juga menagguhkan penguatkuasaan gaji minimum RM1,700 membabitkan majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja, bagi tempoh enam bulan iaitu berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) juga akan menerbitkan garis panduan gaji permulaan bagi semua sektor pekerjaan untuk rujukan pekerja.

"Sebagai contoh, gaji permulaan juruteknik industri dan pe-



ngeluaran ditetapkan gaji permulaan RM2,290; jurutera Mekanikal (RM3,380) dan Profesional Peraka Kandungan Kreatif (RM2,965)," katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Kerajaan MADANI sentiasa menitikberatkan pendapatan rakyat.

Katanya, penstrukturan ekonomi hanya dianggap berjaya apabila rakyat meraih gaji dan upah yang bermakna untuk menjalani hidup dengan lebih selesa.

## Reformasi pasaran buruh

Sementara itu, kerajaan turut memperuntukkan sebanyak RM200 juta bagi pelaksanaan Dasar Gaji Progresif yang akan memanfaatkan 50,000 pekerja di negara ini.

Anwar berkata, dasar itu akan dikuatkuasakan tahun depan, selepas dilaksanakan secara rintis sejak Jun lalu.

"Dasar Gaji Progresif ialah ikhtiar Kerajaan MADANI untuk mereformasi pasaran buruh



Kerajaan akan melaksanakan dasar gaji minimum RM1,700 berkuat kuasa Februari depan.

(Foto hiasan)

dengan matlamat meningkatkan pendapatan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan akan menggubal Rang Undang-Undang (RUU) Iltizam Kecekapan Pentadbiran Awam bagi memastikan kecekapan pentadbiran awam.

Perdana Menteri berkata, RUU

itu akan digubal membabitkan tiga anjakan besar iaitu untuk mengurangkan birokrasi, mempercepat proses dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan.

Anwar berkata, kerajaan mengumumkan Bantuan Khas Kewangan berjumlah RM500 kepada semua penjawat awam

Gred 56 dan ke bawah, termasuk lantikan kontrak.

Beliau berkata, ini turut diberikan kepada semua pesara kerajaan termasuk veteran ber-pencen dan veteran tidak ber-pencen sebanyak RM250.

"Bantuan ini akan disalurkan pada Februari 2025," katanya.

## MTUC gesa inisiatif disegera elak kesan langsung kepada pekerja

**Kuala Lumpur:** Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mengingatkan kerajaan mengenai kepentingan memastikan tempoh pelaksanaan kenaikan gaji minimum dilakukan secepat mungkin.

Presidennya, Mohd Effendy Abdul Ghani, berkata pihaknya menyuarakan kebimbangan sekiranya pelaksanaan gaji minimum berlaku kelewatan sehingga dikhuatiri memberi kesan langsung kepada pekerja yang terus berdepan peningkatan kos sara hidup.

"Oleh itu, MTUC berharap kerajaan dapat mempercepatkan proses pelaksanaan ini dan memastikan segala garis panduan serta pematuhan oleh majikan dilaksanakan dengan segera," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pembentangan Belanjawan 2024 semalam, kerajaan

bersetuju menaikkan kadar gaji minimum kepada RM1,700 sebulan berbanding RM1,500 sebelum ini, berkuat kuasa 1 Februari tahun depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang membentangkan belanjawan itu berkata kerajaan juga memutuskan penguatkuasaan kuat kuasa gaji minimum RM1,700 membabitkan

majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja bagi tempoh enam bulan iaitu berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025.

Rentetan pengumuman itu, Mohd Effendy turut menggesa majikan dari syarikat besar yang mempunyai kemampuan kewangan supaya menawarkan gaji lebih tinggi daripada kadar gaji minimum ditetapkan.

MTUC berharap kerajaan dapat mempercepatkan proses pelaksanaan ini dan memastikan segala garis panduan serta pematuhan oleh majikan dilaksanakan dengan segera

Mohd Effendy Abdul Ghani,  
Presiden Kongres Kesatuan  
Sekerja Malaysia



Dengan langkah itu, beliau menyifatkan ia satu langkah proaktif dalam menghargai sumbangan pekerja serta membantu mereka menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat.

"Langkah ini bukan sahaja menunjukkan tanggungjawab sosial majikan tetapi juga mampu meningkatkan produktiviti dan motivasi pekerja."

"MTUC percaya bahawa kenaikan gaji minimum bukan sahaja akan meningkatkan taraf hidup pekerja tetapi juga memacu pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan kuasa beli rakyat."

"Ini akan memberi manfaat kepada ekonomi negara secara keseluruhan memandangkan perbelanjaan domestik yang lebih tinggi akan merancakkan perniagaan tempatan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih inklusif," katanya.



# Peruntukan TVET naik kepada RM7.5 bilion

Tumpu kerjasama dengan industri bagi sedia peluang latihan untuk belia rentan

**Kuala Lumpur:** Kerajaan meningkatkan peruntukan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada RM7.5 bilion tahun depan berbanding RM6.8 bilion sebelumnya, selaras dengan Dasar TVET Negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata keutamaan diberikan untuk meningkatkan kerjasama dengan industri, iaitu dengan menyediakan peluang latihan untuk belia rentan, termasuk dari kelompok miskin bandar, terpinggir, pedalaman dan Orang Asli.

“Kerajaan mengalukan kerjasama PROTON melalui PROTON Advanced Automotive Technology Institute di Melaka yang menyumbang kurikulum, bantuan tenaga pengajar serta keperluan latihan.

“Bagi menggalakkan kerjasama seumpama ini, geran padanan RM50 juta disediakan untuk lebih banyak industri mengikuti Program Anak Angkat Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA),” katanya semalam.

Beliau berkata, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) akan menerajui pembangunan latihan kemahiran baharu untuk indus-



RM100 juta disediakan khusus untuk bidang keutamaan Pelan Induk Perindustrian Baharu. (Foto Faiz Anuar/BH)



tri masing-masing seperti TNB untuk peralihan tenaga dan SD Guthrie (mekanisasi dan automasi perladangan).

“Syarikat akan diberikan potongan cukai atas peralatan dan mesin baharu yang disumbangkan kepada ILKA, politeknik atau kolej vokasional berdaftar mu-

lai tahun taksiran 2025 hingga 2027.

“Majikan akan diberi kebenaran untuk menggunakan sehingga 50 peratus dana HRD-Corp ketimbang (berbanding) 30 peratus pada masa ini, bagi tujuan membiayai kemudahan latihan kemahiran, termasuk kos peralatan dan ubah suai fasiliti latihan,” katanya.

#### PTPK sedia RM500 juta

Anwar berkata, kolej vokasional dan sekolah menengah teknik terus menyediakan pen-

didikan kepada 77,000 orang pelajar dengan peruntukan RM1.2 bilion.

“Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) menyediakan pembiayaan sehingga RM500 juta untuk manfaat lebih 20,000 pelatih.

“Selain itu, RM100 juta khusus untuk bidang keutamaan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) seperti pembaikan dan baik pulih (MRO), kenderaan elektrik (EV), aeroangkasa serta kecerdasan buatan (AI),” katanya.



# Aset, akaun jutaan ringgit babit 20 projek MBI dibeku

**SPRM kesan saham disimpan beberapa syarikat milik individu, ahli politik**

Oleh Mahani Ishak mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah membekukan aset dan akaun bernilai jutaan ringgit membabitkan 20 projek Menteri Besar Selangor Pembedaan (MBI) yang dipercayai mempunyai kaitan dengan aktiviti rasuah membabitkan konsesi per lombangan pasir.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata setakat ini pihaknya sudah membekukan beberapa aset dan akaun daripada projek terbabit, namun tiada perincian lanjut mengenainya.

"Setakat ini, belum ada tangkapan baharu dibuat. Seorang individu sudah ditahan semula dan direman tujuh hari dalam kes ini yang masih dalam siasatan."

"Pegawai penyiasat masih menyiasat untuk mengesan saham disyaki diterima secara rasuah yang disimpan di beberapa syarikat," katanya pada sidang media selepas hadir Majlis Menandatangani Laporan Penambahbaikan Tatakelola bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Menara PERKESO di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Terdahulu, SPRM menyiasat 20 projek MBI yang dipercayai mempunyai kaitan dengan aktiviti rasuah.

## Tumpu individu direman

Sehubungan itu, SPRM turut menyiasat lima syarikat dikatakan mempunyai saham membabitkan beberapa individu termasuk ahli politik terkait dengan kes itu.

Kelmarin, Azam berkata, sesiapa sahaja boleh dipanggil pihaknya ketika ditanya berhubung identiti ahli politik yang didakwa mempunyai kaitan dengan kes rasuah MBI.

Dalam pada itu, Azam berkata, tiada perkembangan baharu setakat ini berhubung siasatan membabitkan 20 projek MBI yang dipercayai mempunyai kaitan



Azam bersama Mohammed Azman bertukar dokumen Laporan Penambahbaikan Tatakelola antara SPRM dan PERKESO di Menara PERKESO, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

aktiviti rasuah. Katanya, pihaknya sedang menjalankan siasatan terhadap pihak yang direman dalam tempoh tujuh hari.

"Seperti disebutkan ada 20 syarikat, kami memerlukan masa se-

dikit dan kami bukan 'James Bond' yang menyelesaikan kes dalam masa sehari," katanya.

Azam berkata, pihaknya akan berkongsi perkembangan terkini kes dalam tempoh beberapa hari ini bagi kes MBI itu.

**PERKESO laksana tujuh rombakan, tambah baik pengurusan**

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melaksanakan tujuh rombakan dan penambahbaikan sejak 2002 berkaitan pengurusan hilang upaya termasuk membabitkan fungsi Jemaah Doktor (JD), Jemaah Doktor Rayuan (JDR) dan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (JRKS).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata rombakan pertama 2002 menyaksikan penerbitan dokumen Garis Panduan Penilaian Kecerdasan Traumatik atau Penyakit Khidmat dan Keilatan dalam proses penilaian serta penaksiran hilang upaya di PERKESO.

"Selain itu, PERKESO juga terus memperkukuh mekanisme semak danimbang dengan mewujudkan Jawatankuasa Penilaian Keputusannya Jemaah Doktor supaya setiap kata putus daripada hasil penaksiran bebas daripada sebarang unsur manipulasi serta penipuan.

"PERKESO juga merancang menerapkan elemen automasi seperti kecerdasan buatan (AI) bagi meningkatkan keberkesanan sistem penaksiran keilatan serta faedah hilang upaya selaras dengan perkembangan teknologi revolusi perindustrian 5.0 (IR 5.0)," katanya selepas Majlis Menandatangani Laporan Penambahbaikan Tatakelola bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki.

Mohammed Azman Aziz berkata, mengakui terdapat perbezaan prosedur tuntutan antara negeri dan sehubungan itu, pihaknya melaksanakan 14 elemen penambahbaikan yang dikemukakan Bahagian Penyiasatan Tatakelola SPRM yang akan dibincangkan PERKESO.

"Ia berikutan sebahagian daripada elemen itu dianggap sebagai 'low-lying fruits' yang dapat dilaksanakan dengan segera.

"Kami komited untuk memberi ulasan mengikut garis masa yang diperuntukkan oleh SPRM dan akan melaksanakan penambahbaikan yang dicadangkan secepat mungkin," katanya.

## Kes 1BestariNet

# SPRM perlu masa teliti isu tatakelola

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memerlukan masa untuk meneliti beberapa isu tatakelola dalam pemberian tender membabitkan projek 1BestariNet sebelum memanggil Tan Sri Muhyiddin Yassin dan beberapa pihak lain.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata pihaknya akan memanggil mana-mana pihak termasuk bekas Perdana Menteri itu.

Katanya, pegawai penyiasat sedang meneliti secara rambang mengenai pembelian data yang diberikan oleh syarikat berkenaan kepada pihak sekolah.

"Beliau (Muhyiddin) akan dipanggil dengan mana-mana pihak lain tetapi pada masa ini belum sampai masanya lagi.

"Ia kerana kita perlu mengkaji dengan teliti. Dalam kes 1BestariNet ini, saya ulang kita bukan saja perlu melihat dari segi isu



Keratan akhbar BH 10 Oktober lalu.

jenayah di sini tetapi juga pelbagai isu berkaitan tatakelola dalam pemberian tender berkenaan kepada syarikat terbabit," katanya pada sidang media selepas Majlis Menandatangani Laporan Penambahbaikan Tatakelola Antara SPRM bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), di sini, semalam.

Pada 9 Oktober lalu, media melaporkan SPRM mempertimbangkan untuk memanggil bekas Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid bagi membantu

siasatan kes 1BestariNet.

Difahamkan, nama Mahdzir adalah antara dalam senarai penyiasat, selain Muhyiddin yang juga adalah bekas Menteri Pendidikan.

## Tuntutan bayaran RM4 bilion

SPRM sebelum ini memulakan siasatan ke atas tuntutan bayaran bagi tender perkhidmatan 1BestariNet bernilai RM4 bilion yang dianugerahkan kepada YTL pada 2011.

Pada 2011, kerajaan memulakan projek 1BestariNet dengan matlamat menyediakan akses internet berkelajuan tinggi kepada 10,000 sekolah di negara ini dan melaksanakan Pelantar Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE).

Kementerian Pendidikan menganugerahkan kontrak selama 15 tahun bernilai RM4.1 bilion kepada YTL Communications Sdn Bhd (Yes 4G) bagi pelaksana-

naan projek itu.

Sementara itu, Azam berkata, sekurang-kurangnya 37 orang yang ditahan dalam Op Tunjung selepas dipercayai terbabit dengan sindiket tuntutan palsu kepada PERKESO, dijangka dituuh di mahkamah bulan depan.

Beliau berkata, setakat ini empat doktor ditahan di Pulau Pinang dan tiada tangkapan baharu dilakukan termasuk di negeri lain.

"Sebelum ini, kami ada menjalankan tujuh operasi utama bersama PERKESO di enam negeri. Berdasarkan operasi ini, kami mendapati sindiket ini tidak serik melakukan kesalahan dan mungkin juga mereka akan mengubah modus operandi lain.

"Justeru, pengesanan kepada aktiviti ini boleh diambil menerusi sistem dimiliki PERKESO yang boleh 'triggered' apabila ada kes diterima pihak itu," katanya.



# Gaji minimum naik kepada RM1,700

Berkuat kuasa 1 Februari 2025, majikan kurang 5 pekerja diberi penangguhan 6 bulan

**KUALA LUMPUR**

**K**erajaan setuju menaikkan kadar gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700 sebulan yang akan berkuat kuasa mulai 1 Februari 2025

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, bagaimanapun kerajaan turut memutuskan penangguhan kuat kuasa gaji minimum RM1,700 membabitkan majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja bagi tempoh enam bulan iaitu berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025.

"Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) juga akan menerbitkan garis panduan gaji permulaan bagi semua sektor pekerjaan untuk rujukan pekerja.

"Umpamanya, gaji permulaan Juruteknik Industri dan Pengeluaran ialah RM2,290, Jurutera Mekanikal (RM3,380) dan Profesional Pereka Kandungan Kreatif (RM2,985)," katanya ketika membentangkan



**Kadar gaji minimum dinaikkan kepada RM1,700 sebulan berkuat kuasa 1 Februari tahun depan.**

Belanjawan 2025 Malaysia Madani di Dewan Rakyat pada Jumaat.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, sebanyak RM250 juta turut disediakan bagi meningkatkan penyertaan lebih ramai rakyat miskin tegar mengikuti program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) bagi menambah pendapatan mereka.

Menurutnya, inisiatif itu merupakan ikhtiar kerajaan menoktahkan kemiskinan tegar melalui peningkatan pendapatan rakyat.

"Melalui ikhtiar IPR kategori Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN), saudari Normaladiana Mohd Yazal yang merupakan OKU fizikal, telah membantu suaminya berniaga dan berjaya meraih pendapatan untuk keluarga hampir dua kali ganda.

"Kerajaan Madani sentiasa menitikberatkan soal pendapatan rakyat. Penstrukturan ekonomi hanya dianggap berjaya apabila rakyat meraih gaji dan upah yang bermakna untuk menjalani hidup dengan lebih selesa," ujarnya.



# 1BestariNet: Tunggu masa panggil Muhyiddin

SPRM juga sahkan aset bernilai jutaan ringgit disita dalam kes berkaitan MBI dan perlombongan pasir

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI  
KUALA LUMPUR

**S**uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu meneliti beberapa isu tatalaksana dalam pemberian tender melibatkan projek 1BestariNet sebelum memanggil Tan Sri Muhyiddin Yassin dan beberapa individu lain.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya akan memanggil mana-mana pihak bagi tujuan siasatan termasuk Muhyiddin.

Menurutnya, pegawai penyiasat kini sedang melihat secara rawak pembekalan data diberikan syarikat berkenaan kepada pihak sekolah.

"Beliau (Muhyiddin) akan dipanggil dengan mana-mana pihak lain, namun belum buat masa ini lagi.

"Jadi, kita perlu mengkaji dengan teliti. Dalam kes 1BestariNet, saya ulang sekali lagi bukan sahaja kita melihat dari segi isu jenayah tetapi pelbagai isu berkaitan tatalaksana dalam pemberian tender kepada syarikat terbabit," katanya ketika menghadiri Majlis Menandatangani Laporan Penambahbaikan Tatalaksana antara SPRM bersama Pertubuhan



Azam (tengah) dan Mohammed Azman (kanan) menjawab pertanyaan media ketika Majlis Menandatangani Laporan Penambahbaikan Tatalaksana di antara SPRM dan PERKESO di Menara PERKESO, Kuala Lumpur.

Keselamatan Sosial (PERKESO) di Menara PERKESO pada Jumaat.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Pada 9 Oktober lalu, media melaporkan SPRM sedang mempertimbangkan memanggil bekas Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid bagi membantu siasatan berkaitan kes berkenaan.

Difahamkan, nama Mahdzir adalah antara dalam senarai penyiasat selain Muhyiddin yang juga bekas Menteri Pendidikan.

SPRM memulakan siasatan terhadap tuntutan bayaran tender perkhidmatan 1BestariNet bernilai RM4 bilion dianugerahkan kepada YTL pada 2011.

Sementara itu, Azam turut mengesahkan aset bernilai jutaan ringgit kes

siasatan Pembedaan Menteri Besar Selangor (MBI) berkaitan rasuah konsesi perlombongan pasir sudah dibekukan.

"Setakat ini belum ada tangkapan baharu kecuali seorang individu ditahan semula dan direman tujuh hari bagi membantu siasatan.

"Pegawai penyiasat masih menyiasat termasuk mengesan saham disyaki diterima secara rasuah dan disimpan dalam beberapa syarikat," katanya.

Azam berkata, pihaknya memerlukan sedikit masa berikutan terdapat 20 projek disiasat berkaitan skandal terbabit.

"Mungkin dalam masa terdekat, kita akan kemas kini maklumat berkaitan kes ini. Saya boleh sahkan ada tindakan aset dibekukan dan dianggarkan bernilai jutaan ringgit," ujarnya.

## 37 individu tipu tuntutan PERKESO bakal dituduh

**KUALA LUMPUR** - Seramai 37 individu termasuk enam doktor yang ditahan menerusi Op Tunjung selepas terbabit dengan sindiket tuntutan palsu kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dijangka dituduh di mahkamah pada bulan depan.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, susulan tangkapan itu, sekurang-kurangnya 37 kertas siasatan sudah dibuka.

"Setiap individu yang ditahan, ada kertas siasatan dibuka dengan setiap daripadanya ada saksi sendiri. Malah, seorang pegawai penyiasat ditugaskan untuk melengkapkan siasatan untuk setiap kertas siasatan.

"Justeru, kami menjangkakan kertas siasatan kes ini akan selesai pada November supaya suspek boleh didakwa di mahkamah," katanya di Menara PERKESO pada Jumaat.

Mengulas lanjut, Azam berkata, meskipun tiada tangkapan susulan dibuat dalam operasi berkenaan, pihaknya akan terus bekerjasama dengan PERKESO untuk mengesan jika ada aktiviti seumpama itu dijalankan.

Katanya, sebelum ini, tujuh operasi utama bersama PERKESO dilaksanakan di enam negeri.

"Berdasarkan operasi ini, kami mendapati sindiket tidak serik melakukan kesalahan dan mungkin mereka akan mengubah modus operandi lain," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, tujuh rombakan dan penambahbaikan dilaksanakan pihaknya sejak 2002 berkaitan pengurusan hilang upaya termasuk fungsi Jemaah Doktor (JD), Jemaah Doktor Rayuan (JDR) dan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (JRKS).

"Kami menjalinkan kerjasama dengan SPRM bagi meningkatkan tatalaksana berlandaskan beberapa kes dikenal pasti menerusi penahanan 37 individu terbabit dalam penipuan tuntutan PERKESO.

"Dari semasa ke semasa, kami akan menambah baik prosedur operasi standard (SOP) sedia ada bagi menutup ruang disalah gunakan pihak tidak bertanggungjawab," katanya sambil menegaskan tidak akan berkompromi dengan pihak yang cuba membuat tuntutan palsu.



KSM akan terbit garis panduan bagi semua sektor pekerjaan

# Gaji minimum RM1,700 berkuat kuasa Februari 2025

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan bersetuju menaikkan kadar gaji minimum RM1,500 kepada RM1,700 sebulan berkuat kuasa 1 Februari tahun hadapan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan turut memutuskan penangguhan kuat kuasa gaji minimum RM1,700 kepada majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja bagi tempoh enam bulan berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025.

Katanya, kerajaan Madani sentiasa menitikberatkan soal pendapatan rakyat.

“Penstrukturan ekonomi hanya dianggap berjaya apabila rakyat meraih gaji dan upah yang bermakna untuk menjalani hidup dengan lebih selesa.

“Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan menerbitkan garis panduan gaji permulaan bagi semua sektor pekerjaan untuk rujukan pekerja.

“Umpamanya, gaji permulaan Juruteknik Industri dan Pengeluaran (RM2,290), Jurutera Mekanikal (RM3,380) dan Profesional Peraka Kandungan Kreatif (RM2,985),” katanya di sini semalam.

Menurut beliau, Dasar Gaji Progresif dilaksana secara rintis



**MAJIKAN yang mempunyai kurang daripada lima pekerja akan diberikan penangguhan kuat kuasa gaji minimum.**  
– GAMBAR HIASAN

pada Jun lalu dan akan dikuatkuasakan sepenuhnya pada tahun hadapan.

“Dasar Gaji Progresif dipe-runtukkan RM200 juta dan akan memanfaatkan 50,000 pekerja,” katanya.

Dasar Gaji Progresif ialah ikhtiar Kerajaan Madani untuk mereformasi pasaran buruh dengan matlamat meningkatkan

pendapatan pekerja.

Dalam pada itu, Anwar memberitahu, Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) merupakan ikhtiar menoktahkan kemiskinan tegar melalui peningkatan pendapatan rakyat.

“Melalui ikhtiar IPR Insan, Saudari Normaladiana Mohd. Yazal yang merupakan OKU (orang kelainan upaya) fizikal,

telah membantu suaminya berniaga dan berjaya meraih pendapatan untuk keluarga hampir dua kali ganda.

“Pada tahun hadapan, sebanyak RM250 juta disediakan untuk meningkatkan penyertaan lebih ramai rakyat miskin tegar mengikut program IPR bagi menambah pendapatan mereka,” kata beliau.

## RM7.5 bilion diperuntuk perkasakan TVET

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM7.5 bilion bagi memperkasakan lagi Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) negara pada tahun hadapan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, peruntukan berkenaan menyaksikan peningkatan sebanyak RM0.7 bilion berbanding RM6.8 bilion yang diperuntukkan pada tahun ini.

“Peningkatan ini adalah bagi meningkatkan kerjasama dengan industri, menyediakan peluang latihan untuk belia rentan termasuk dari kelompok miskin bandar, terpinggir, pedalaman dan Orang Asli serta membawa khidmat TVET bagi manfaat masyarakat,” katanya ketika membentangkan Belanjawan 2025 di Parlimen semalam.

Dalam pada itu, Anwar berkata, kerajaan mengalukan kerjasama Proton melalui Proton Advanced Automotive Techno-



**KERAJAAN** memperuntukkan dana RM7.5 bilion untuk memperkasakan program TVET di seluruh negara pada 2025. – GAMBAR HIASAN

logy Institute di Melaka yang menyumbang kurikulum, bantuan tenaga pengajar serta keperluan latihan.

“Bagi menggalakkan kerjasama seumpama ini, geran padanan RMS0 juta disediakan untuk

lebih banyak industri mengikuti Program Anak Angkat Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA),” ujarnya.

“Syarikat berkaitan kerajaan (GLC) akan menerajui pembangunan latihan kemahiran baha-

ru untuk industri masing-masing seperti TNB (peralihan tenaga) dan SD Guthrie (mekanisasi dan automasi perladangan).

“Syarikat akan diberikan potongan cukai atas peralatan dan mesin baharu yang disumbangkan kepada ILKA, politeknik atau kolej vokasional berdaftar mulai tahun taksiran 2025 hingga 2027,” katanya.

Beliau menambah, majikan juga akan diberi kebenaran untuk menggunakan sehingga 50 peratus dana HRDCorp berbanding 30 peratus pada masa ini bagi tujuan membiayai kemudahan latihan kemahiran termasuk kos peralatan dan ubah suai fasiliti latihan.

Sementara itu, mengenai peluang pendidikan dan latihan TVET, Anwar berkata, kolej vokasional dan sekolah menengah teknik terus menyediakan pendidikan kepada 77,000 pelajar dengan peruntukan berjumlah RM1.2 bilion dalam belanjawan kali ini.



Tujuh operasi bersama SPRM tumpaskan kegiatan tuntutan palsu

## Sindiket tipu Perkeso bakal didakwa

Oleh AZMI NORDIN

**KUALA LUMPUR** – Sekumpulan 37 individu yang terlibat dengan sindiket tuntutan palsu Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dalam Op Tunjang akan dituduh bulan depan.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, dianggarkan sekurang-kurangnya 37 kertas siasatan dibuka susulan tangkapan itu.

"Setiap individu yang dituduh, ada kertas siasatan dibuka dengan setiap daripadanya ada saksi dan pegawai penyiasat tersendiri.

"Kita jangka kertas siasatan akan selesai pada November supaya suspek boleh didakwa di mahkamah," katanya ketika ditemui pada Majlis Menandatangani Laporan Penambahbaikan Tatakelola di Antara SPRM bersama Perkeso di sini semalam.

Menurut Azam, meskipun tiada tangkapan susulan dibuat dalam operasi berkenaan, pihaknya akan terus bekerjasama dengan Perkeso untuk mengesan jika ada aktiviti se-



**AZAM (kiri) bertukar dokumen Laporan Penambahbaikan Tatakelola dengan Mohammed Azman di bangunan Perkeso Kuala Lumpur semalam.**

umpama itu dijalankan.

Tambahnya, SPRM dan Perkeso menjalankan tujuh operasi di enam negeri dan mendapati sindiket tidak serik dan mengubah modus operandi.

"Justeru itu, pengesanan ke-

pada aktiviti ini boleh diambil menerusi sistem dimiliki Perkeso yang boleh trigger apabila ada kes diterima pihaknya," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perkeso, Datuk Seri Mohammed Azman Aziz

Mohammed berkata, tujuh rombakan dan penambahbaikan dilaksanakan pihaknya sejak 2002 berkaitan pengurusan hilang upaya termasuk fungsi jemaah doktor, jemaah doktor rayuan dan jemaah rayuan keselamatan

sosial.

"Bersama SPRM, kita mempertingkatkan tatakelola berlandaskan beberapa kes yang dikenal pasti menerusi penahanan 37 individu terabit penipuan tuntutan Perkeso.

"Kami akan menambah baik prosedur operasi standard sedia ada di agensi ini bagi menutup ruang kepada salah guna," katanya.

Ujar Mohammed Azman, pihaknya tidak akan berkompromi dengan pihak yang menyalah guna dan mengambil peluang terhadap sistem sedia ada untuk membuat tuntutan palsu.

"Kami akan pastikan tuntutan palsu yang dibuat akan melalui proses penyiasatan termasuk membabitkan pihak SPRM yang tidak hanya tertumpu di Pulau Pinang tetapi juga beberapa negeri lain," katanya.

Sebelum ini, SPRM menahan 37 individu menerusi Op Tunjang terdiri daripada 19 pemohon, sembilan ejen, tiga runner serta enam doktor perubatan yang dipercayai terabit dengan sindiket tuntutan palsu kepada Perkeso.



Akhbar	New Straits Times
Tarikh	19 Oktober 2024
Ruang	Nation
Muka Surat	5

**NEW** ESTABLISHED 1845  
**STRAITS TIMES**

# MINIMUM WAGE INCREASED TO RM1,700

STR, Sara aid amount also raised as govt unveils more assistance for vulnerable groups

## KUALA LUMPUR

**T**HE 2025 Budget unveiled yesterday promises to put money in the pockets of Malaysians.

This will come in the form of a higher minimum wage, as well as the largest increase in the Sumbangan Tunai Rahmah (STR) and Sumbangan Asas Rahmah (Sara) to date, which would mean no family in Malaysia will make less than RM1,100 a month.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, at the tabling of the Budget in the Dewan Rakyat yesterday, said the minimum wage would be raised from RM1,500 to RM1,700 per month, effective Feb 1, 2025.

Anwar, who is also finance minister, said the government had also decided to delay the enforcement of the RM1,700 minimum wage for employers with fewer than five employees for a period of six months, to Aug 1, 2025.

The Human Resources Ministry, he said, would publish guidelines for starting salaries across all job sectors, such as those for industrial and production technicians (RM2,290), mechanical engineers (RM3,380), and creative content professionals (RM2,985).

He said RM250 million had been allocated to boost participation of more impoverished individuals in the People's Income Initiative to increase their income next year.

On STR and Sara initiatives, Anwar said the government had increased the allocations from RM10 billion to RM13 billion, which would benefit nine million recipients, or 60 per cent, of the adult population.

He said 4.1 million STR households would receive RM100 per month next year, compared with 700,000 recipients this year.

Single recipients, he said, would receive RM600 annually, in stages.

"This aid will be credited into recipients' MyKad from April 2025. This can be used to buy basic necessities like food and drinks, medicine, school supplies and personal hygiene products at more than 600 supermarkets and grocery shops.

"Sara aid will be credited directly to recipients' MyKAD from April 2025. This, too, can be used to purchase basic necessities at more than 600 participating supermarkets and retail outlets.

"With an additional RM3 billion allocated, the maximum aid households can receive will increase to RM4,600, compared with RM3,700 previously."

He said financial assistance under the Social Welfare Department would rise to RM2.9 billion from RM2.4 billion, which translates to higher monthly benefits for the underprivileged.

Anwar said under the new allocations, the senior citizens' assistance rate will increase to

RM600 per month, up from RM500, while assistance for children from poor families will increase to RM250 from RM200 per child, aged 6 and below, and from RM150 to RM200 per child, aged 7 to 18.

For the federal territories, the general assistance rate will increase to RM150, up from RM100, with a maximum household limit of RM500 per month.

Anwar has urged all state governments to boost their respective aid schemes as well.

Anwar said when combining STR, Sara and Social Welfare Department aid, an impoverished family of three could receive RM13,000 a year, an increase from the current RM11,000.

"This means that no family in Malaysia will make less than RM1,100 a month, and this is excluding aid from state governments, zakat and foundations."

The announcement was met with joy by aid recipient Hazrin Hashim, 28, who said it would boost his family's finances.

"I am glad for the aid. It certainly helps with our family's financial situation. It's really useful for B40 individuals like me, especially when buying basic necessities," said the technician from Bukit Beruang, Melaka.

Zuraidah Ramlee, 42, said the increase came at an important time, particularly with the rising prices of goods.

"I received RM1,500, but I have two children who are still in secondary school. I use it solely for necessities, but it's still not enough due to high prices of goods," said the housewife from Kulai, Johor.





MACC Chief Commissioner Tan Sri Azam Baki shaking hands with Social Security Organisation (Perkeso) group chief executive officer Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed after the signing ceremony on Perkeso's governance enhancement report in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY AIZUDDIN SAAD

## 37 to be charged with falsifying disability claims

**KUALA LUMPUR:** The 37 suspects arrested in connection with a syndicate falsifying permanent disability claims are expected to be charged in court next month.

Malaysian Anti-Corruption Commission Chief Commissioner Tan Sri Azam Baki said 37 investigation papers were opened following the arrests made during Op Tunjang.

"For each individual arrested, an investigation paper was opened with each of them having witnesses. In fact, an officer was assigned to each investigation paper to complete the probe.

"Therefore, we expect the investigation papers to be completed next month so that the suspects can be charged," he said.

Azam said, although no follow-up arrests were made in the operation, MACC would continue to cooperate with the Social Security

Organisation (Perkeso) to detect similar activities.

"Previously, we carried out seven major operations with Perkeso in six states. Based on the operations, we found that the syndicate has changed its modus operandi.

"Therefore, detection of such claims can be done through Perkeso's artificial intelligence system," he said.

Perkeso group chief executive officer Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed said seven reforms and improvements in the management of disability benefits had been implemented since 2002.

This included the strengthening the functions of Perkeso's medical and appeals panels.

"We are collaborating with MACC to improve governance based on several cases identified

through the arrest of the 37 individuals.

"From time to time, we will improve the standard operating procedures to close any gaps that led to abuse by irresponsible parties," he said.

He said Perkeso would not compromise with those who abused the system to make false claims.

"We will make sure that the false claims will be investigated by MACC," he said.

It was reported that intelligence gathered by Perkeso's Anti-Fraud, Ethics and Integrity Department led to the discovery of a sophisticated permanent disability claims syndicate.

It is believed that the syndicate had roped in several doctors to falsify permanent disability claims, resulting in Perkeso losing more than RM2 million.



<b>Akhbar</b>	<b>The Star</b>
<b>Tarikh</b>	<b>19 Oktober 2024</b>
<b>Ruang</b>	<b>Nation</b>
<b>Muka Surat</b>	<b>16</b>



## Speedy probes only happen in movies, says MACC chief

**KUALA LUMPUR:** Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) officers are not "James Bond" who can solve a case like the Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) investigation within a day, says Tan Sri Azam Baki.

The MACC chief commissioner said his officers were still hard at work tracking down stock shares suspected to be linked to bribery. "Such things (speedy probes) only happen in a movie. So, give us time to thoroughly investigate the case," he said after attending the signing of a memorandum of understanding on improving governance between MACC and the Social Security Organisation (Socso) here yesterday.

Azam said that so far, no new

arrests had been made, though one suspect had been rearrested and remanded for seven days.

The MACC had also frozen several assets and accounts worth millions of ringgit as part of its ongoing investigation into alleged bribery related to sand-mining concessions.

"We might provide an update on the case within three or four days," Azam said.

The investigation is focused on 20 projects under MBI that are believed to be tainted with corrupt activities.

Azam had earlier said that the case was part of investigations involving a Selangor politician.

"These projects pertain to state interests and are not linked to the

current Selangor Menteri Besar.

"We need to wrap up our investigations and collect the evidence before we call in the said politician. We do not know if there are other Selangor politicians involved," he said, declining to identify the politician in question.

Azam also confirmed that the former MBI chief operating officer had been remanded for a week in connection with the MBI case, although it was related to a separate issue.

This former official was first arrested last week, but was released for health reasons.

On a different case, Azam said it was not yet the right time to question former prime minister Tan Sri Muhyiddin Yassin regard-

ing the RM4.07bil 1BestariNet service tender involving the Education Ministry.

He gave an assurance that Muhyiddin would be called in when the probe was further along, as many details still had to be gathered.

Azam explained that the MACC was examining the data supply provided by the contractor to schools, looking into both criminal aspects and governance issues surrounding the tender.

Reports suggested that the investigations may also explore potential false claims.

Azam had said there were instances where supplies were claimed to have been delivered when they were not.

"We have to look into this because under the law, if claims are made and the supply is not furnished, then this is a crime in principle," he said.

The investigation aimed to determine whether schools were supplied with the deliverables as specified in the contract, Azam said, adding that the claims were made following the signing of the contract to implement the 1BestariNet project.

The project was launched in 2011, with YTL Communications Sdn Bhd engaged to provide high-speed Internet access to schools.

The project included the implementation of the Frog Virtual Learning Environment, a cloud-based learning platform.



# Charges in Socso case soon

## MACC winding up probe into 37 suspected of false claims

By FARIK ZOLKEPLI  
farik@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** A total of 37 people, including six doctors, who were detained in connection with a syndicate involved in making false claims to the Social Security Organisation (Socso) are expected to be prosecuted next month.

Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) chief commissioner Tan Sri Azam Baki said 37 investigation papers (IP) were opened during the operation, codenamed Ops Tunjang, in Penang.

"Each individual detained has an IP opened and the IP has its own set of witnesses.

"For each IP, an investigator is assigned to complete the investigation.

"We expect the IPs to be completed by next month so that the suspects can be charged in court," he told a press conference after attending the signing of a memorandum of understanding between MACC and Socso on improving governance here yesterday.

Also present were Socso group chief executive officer Datuk Seri Mohammed Azman Aziz Mohammed and MACC Governance Investigation Division director



**Towards improved governance:** Azam (left) and Mohammed Azman holding up copies of the MOU at Menara Perkeso in Kuala Lumpur. — Bernama

Datuk Mohd Zaki Hassan. "While no new arrests have been made in the operation, we will continue to work with Socso to detect similar activities (in other states).

"Seven important operations were conducted with Socso in six states previously," said Azam.

Meanwhile, Mohammed Azman said reshuffles and improvements had been made by Socso since 2002, including disa-

bility management and appeals.

"We are working closely with MACC to improve governance based on several cases that have been identified through the arrests of 37 individuals for making fraudulent claims against Socso.

"We will improve our standard operating procedure to thwart any opportunity for wrongdoing," he said.

Mohammed Azman added that

Socso would not compromise in taking action against anyone who abused the existing system by making false claims.

"We will ensure that any false claim will be investigated, not just in Penang but other states as well," he said.

On Sept 4, Azam said losses from fraudulent claims had reached RM2.1mil.

On Sept 5, Human Resources Minister Steven Sim said authorities put the brakes on claims coming from "highly suspicious" hospitals to stop false disability claims.

He said this was a temporary measure while MACC and Health Ministry carried out a probe into fraudulent Socso claims.

The minister did not reveal the locations of these hospitals, though he said the measure had been implemented since June.

On the overhaul of the claims process, Sim said the directive was issued to prevent false claims.

"A new standard operating procedure is being prepared and will be announced soon. We take all claims submitted to Socso seriously.

"We do not want to victimise contributors who are genuinely eligible and need the benefits in times of hardship," he added.